

Najib Lawat Pasangan Panda Gergasi di Zoo Negara
Bernama
Mei 25, 2014

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Ahad melawat pasangan panda gergasi, Fu Wa dan Feng Yi di Zoo Negara, di sini.

Najib yang membuat catatan dan memuat naik gambar lawatan dalam laman Facebook berkata panda gergasi itu dianggap sebagai simbol keamanan dalam budaya China dan amat dihormati.

Pasangan beruang itu akan berada di Malaysia selama 10 tahun sebagai simbol jalinan hubungan diplomatik selama 40 tahun antara Malaysia dengan China.

Pasangan panda itu yang dipinjamkan oleh kerajaan China melalui program Perjanjian Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi Malaysia-China, sedang dikuarantin selama sebulan di kurungan khas Zoo Negara untuk membolehkan haiwan itu mengalami kesesuaian persekitaran baharu.

Melalui program yang dimeterai pada 2012, Malaysia mempunyai peluang untuk menjalankan penyelidikan pemuliharaan panda gergasi selain dapat membangun dan melatih pakar tempatan dalam bidang berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041158>